

ACTIFED[®] EXPECTORANT

Pseudoephedrine Hydrochloride/Triprolidine Hydrochloride/Guaiphenesin (30mg/1.25mg/100mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ACTIFED EXPECTORANT
2. Bagaimana ACTIFED EXPECTORANT berfungsi
3. Sebelum mengambil ACTIFED EXPECTORANT
4. Cara menggunakan ACTIFED EXPECTORANT
5. Semasa menggunakan ACTIFED EXPECTORANT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ACTIFED EXPECTORANT
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ACTIFED EXPECTORANT

Actifed Expectorant adalah digunakan untuk melegakan gejala gangguan saluran pernafasan bahagian atas yang diiringi oleh batuk yang produktif, yang bermanfaat daripada pengambilan agen nyah-sumbat hidung, sejenis *histamine H1-receptor antagonist* dan juga satu kombinasi ekspektoran.

Bagaimana ACTIFED EXPECTORANT berfungsi

Cecair ini mengandungi pseudoephedrine hydrochloride, iaitu suatu agen nyah-sumbat yang meredakan hidung tersumbat, triprolidine hydrochloride adalah sejenis *antihistamine* yang membantu menghentikan bersin, hidung berair dan mata berair dan guaifenesin, adalah sejenis ekspektoran yang membantu mencairkan mucus di dalam kerongkong dan dada anda.

Sebelum mengambil ACTIFED EXPECTORANT

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan jika:

- Anda alah kepada pseudoephedrine, triprolidine, guaiphenesin atau mana-mana bahan yang lain.
- Anda mempunyai masalah buah pinggang yang serius, melainkan doktor anda mengarahkan untuk mengambil ubat ini.
- Anda mempunyai tekanan darah tinggi yang serius atau penyakit jantung.
- Anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain untuk melegakan batuk, selsema, kesesakan hidung atau hidung tersumbat
- Anda mengambil *antihistamine*.
- Anda mengambil mana-mana ubat penekan atau perangsang selera makan yang dipanggil *amphetamines* (contoh: kadang-kadang digunakan untuk merawat gangguan defisit perhatian).
- Anda sedang mengambil atau telah mengambil dalam masa dua minggu, ubat yang dipanggil perencat *monoamine oxidase* (MAOI's).

Jika mana-mana di atas adalah berkaitan dengan anda, dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Actifed Expectorant.

- Sebelum mengambil ACTIFED EXPECTORANT

Semak dengan doktor anda sebelum menggunakan jika:

- Anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif,

sawan, pembesaran kelenjar prostat, denyutan jantung tidak teratur, glaukoma (tekanan berlebihan di dalam mata anda), kencing manis, asma, kerosakan buah pinggang yang sederhana, radang paru-paru atau *phaeochromocytoma* (tumor kelenjar adrenal).

- Anda mempunyai masalah hati yang serius.
- Anda mengambil ubat-ubatan untuk mengawal tekanan darah anda sebagai contoh, ubat yang dipanggil *beta blocker*.
- Anda hamil atau menyusukan bayi.
- Anda mempunyai suatu jenis masalah intolerans gula secara keturunan yang jarang berlaku.

Setiap 5ml sudu penuh ubat ini mengandungi 0.35ml alkohol (etanol). Jika anda mengalami ketagihan arak, epilepsi (sawan) atau penyakit hati, sila berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk:

- *Sedative* (Ubat yang digunakan untuk merawat keresahan dan tekanan).
- *Antihypertensives* (Ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi seperti guanethidine, methyldopa, *beta blocker*, debrisoquine dan betanidine).
- *Ubat Sympathomimetic* (Ubat perangsang atau penekan selera makan dan ubat yang

digunakan untuk merawat kesesakan hidung dan asma).

Jika anda tidak pasti tentang mana-mana ubat yang anda ambil, tunjukkan botol atau pek ubat tersebut kepada ahli farmasi anda.

Cara menggunakan ACTIFED EXPECTORANT

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke atas:

- Dos biasa: 10 ml diambil setiap 4-6 jam seperti yang diperlukan
- Dos harian maksimum: 40 ml dalam masa 24 jam

Kanak-kanak berumur 6 hingga 11 tahun:

- Dos biasa: 5 ml diambil setiap 4-6 jam seperti yang diperlukan
- Dos harian maksimum: 20 ml dalam masa 24 jam

Kanak-kanak berumur 2 hingga 5 tahun:

- Dos yang biasa: 2.5 ml diambil setiap 4-6 jam seperti yang diperlukan
- Dos harian maksimum: 10 ml dalam masa 24 jam

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu diambil setiap 4-6 jam, seperti yang diperlukan. Teruskan mengambil Actifed Expectorant selama yang disyorkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, ambil dos

seterusnya apabila diperlukan, Jangan ambil dos berganda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil ubat ini terlalu banyak, segera dapatkan nasihat perubatan.

Pseudoephedrine yang berlebihan boleh menyebabkan simptom-simptom yang disebabkan oleh rangsangan sistem saraf pusat dan kardiovaskular (contohnya keterujaan, keresahan, halusinasi, tekanan darah tinggi dan degupan jantung tidak seragam. Dalam kes-kes yang teruk, psikosis, sawan, koma dan peningkatan tekanan darah yang sangat tinggi mungkin berlaku. Kandungan kalium yang rendah dalam darah mungkin berlaku.

Tripolidine yang berlebihan berkemungkinan untuk menyebabkan kesan yang sama seperti yang disenaraikan di dalam kesan-kesan sampingan. Simptom-simptom lain termasuk hilang kawalan pergerakan, kelemahan, masalah pernafasan, kekeringan kulit dan membran mukus, demam panas yang sangat tinggi, geletar, psikosis, sawan, kadar degupan jantung yang terlalu laju dan degupan jantung tidak seragam.

Guaiphenesin yang berlebihan mungkin menyebabkan loya dan muntah.

Semasa menggunakan ACTIFED EXPECTORANT

- Perkara yang perlu dilakukan

Semak dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat anda dan ambil seperti yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah ditetapkan untuk anda. Jangan serahkan kepada orang lain. Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun simptom mereka sama seperti anda.

Jangan minum minuman beralkohol semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Bukan untuk digunakan pada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun. Untuk digunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor / ahli farmasi bagi kanak-kanak berumur 2-6 tahun.

Produk ini boleh menyebabkan pening, mengantuk atau penglihatan menjadi kabur. Anda tidak seharusnya memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda pasti anda bahawa anda tidak terjejas.

Actifed Expectorant mengandungi sukrosa. Ini perlu diambil kira jika anda mempunyai penyakit kencing manis.

Actifed Expectorant tidak harus digunakan untuk batuk berterusan atau batuk kronik seperti yang berlaku dengan merokok, asma atau emfisema (penyakit paru-paru yang kronik) atau batuk yang disertai dengan rembesan yang berlebihan kecuali diarahkan oleh doktor.

Actifed Expectorant mengandungi methyl parahydroxybenzoate dan bahan pewarna yang boleh menyebabkan reaksi alahan (mungkin tindak balas lambat).

Jika anda tiba-tiba mengalami sakit perut dan pendarahan dari rektum, dapatkan nasihat doktor and hentikan pengambilan Actifed Expectorant.

Jika anda tiba-tiba mengalami sakit kepala yang teruk, rasa loya, muntah dan mengalami gangguan penglihatan, dapatkan nasihat doktor and hentikan pengambilan Actifed Expectorant.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Actifed Expectorant boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatkannya. Jumpa ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Apabila menggunakan produk ini anda mungkin mengalami:

- Rasa lali dan mengantuk adalah simptom yang sangat biasa
- Gemuruh, sukar tidur, pening, mulut, tekak atau hidung kering, loya, muntah-muntah, gangguan dalam perhatian dan koordinasi tidak normal yang mungkin biasa berlaku.
- Halusinasi (mendengar suara atau melihat sesuatu yang tidak wujud, terutama pada kanak-kanak) tetapi ini jarang dilaporkan berlaku.

Kanak-kanak dan warga tua adalah lebih cenderung untuk mengalami kesan sampingan.

Berhenti menggunakan produk ini dan berunding dengan doktor anda jika anda mengalami:

- Kesukaran untuk membuang air. Ini adalah lebih cenderung untuk berlaku jika anda mempunyai pembesaran kelenjar prostat.
- Reaksi alahan: seperti ruam kulit, gatal-gatal, bengkak (kadang-kadang pada muka, mulut dan tekak yang menyebabkan kesukaran bernafas) dan pitam. Reaksi-reaksi ini adalah jarang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan ACTIFED EXPECTORANT

- *Penyimpanan*

Jauhkan produk daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25 ° C dan lindungi dari cahaya. Jangan disejukkan.

- *Pelupusan*

Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Larutan oral yang jernih, berwarna oren, dan berperisa oren pedas.

- *Bahan-bahan kandungan*
- Bahan aktif

30 mg Pseudoephedrine Hydrochloride, 1.25 mg Triprolidine Hydrochloride, dan 100 mg Guaiphenesin terkandung dalam setiap 5 ml

- Bahan tidak aktif

Sorbitol 70%, syrup, methyl parahydroxybenzoate, sodium benzoate, levomenthol, suset yellow E110/FD&C Yellow No 6, Ethanol, Spicy Lemon FC900853, purified water.

- *Nombor MAL*

MAL19860308ACZ

Pengilang

Aspen Bad Oldesloe GMBH
Industriestrasse 32-36,
23843, Bad Oldesloe,
Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline
Pharmaceutical Sdn. Bhd.
Level 6, Quill 9,
112 Jalan Semangat,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 26/04/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)250416/00121